

12 JUN 1998

BAKISA JUARA BADMINTON PIALA PERDANA

KUANTAN, 10 Jun (Bernama) -- Pasukan Badan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat Sabah (Bakisa) hari ini mencul juara Kejohanan Badminton Piala Perdana 1998 selepas menewaskan pasukan Badan Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti).

Tempat ketiga disandang Badan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat Selangor (Balkis).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan hadiah kepada para pemenang selepas menutup kejohanan empat hari itu yang berlangsung di Stadium Tertutup SUKPA, Bandar Indera Mahkota di sini.

Tiga belas pasukan yang mewakili badan amal isteri-isteri wakil rakyat negeri-negeri di seluruh Malaysia mengambil bahagian dalam kejohanan itu yang dirasmikan oleh Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob Rabu lepas.

Terdahulu, ketibaan Dr Mahathir di Pangkalan TUDM Kuantan dari Kuala Terengganu disambut Khalil, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Abdul Ghani Sulaiman dan anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri.

Malam ini, Perdana Menteri akan menghadiri majlis makan malam "Lambaian Teratai" di Dewan Konvensyen di sini sempena kejohanan itu.

-- BERNAMA

ROS ZAB